

SEPAKTAKRAW

1.0 PERATURAN TEKNIKAL

1.1 Sukan Sepaktakraw bagi Karnival Sukan MASUM akan dianjurkan berdasarkan:

1.1.1 Peraturan Am Karnival Sukan MASUM.

1.1.2 Peraturan yang di keluarkan oleh Gabungan Sepaktakraw Antarabangsa (ISTAF) yang berkuatkuasa ketika ini.

1.2 Permainan di pertandingkan dalam bentuk:

1.2.1 Kategori Lelaki - Antara Regu

1.2.2 Kategori Wanita - Antara Regu

1.3 Pendaftaran Pemain dan Pembentukan Pasukan

1.3.1 Setiap pasukan boleh menghantar sebanyak dua (2) regu sahaja.

1.3.2 Bilangan pegawai dan pemain bagi **Satu Regu** seperti berikut:

1.3.2.1 Kategori Lelaki

BIL	PERKARA	MINIMUM	MAKSIMUM
1	Pengurus Pasukan	1 orang	1 orang
2	Jurulatih Pasukan	1 orang	1 orang
3	Pemain	3 orang	5 orang
JUMLAH		5 orang	7 orang

1.3.2.2 Kategori Wanita

BIL	PERKARA	MINIMUM	MAKSIMUM
1	Pengurus Pasukan	1 orang	1 orang
2	Jurulatih Pasukan	1 orang	1 orang
3	Pemain	3 orang	5 orang
JUMLAH		5 orang	7 orang

2.0 PERATURAN PERTANDINGAN

2.1 Pertandingan ini dijalankan secara Liga pada pada pusingan pertama dan kalahmati pada pusingan kedua.

2.2 Pemberian Mata.

2.2.1 Menang - 2 mata

2.2.2 Kalah - 0 mata

PERATURAN PERMAINAN SUKAN MASUM

Bersatu Kearah Kegemilangan Sukan Universiti



2.3 Pemenang bagi Pertandingan secara Liga ditentukan melalui:

2.3.1 Sekiranya selesai semua perlawanan dalam sesuatu KUMPULAN, kiraan MATA diperolehi sama oleh DUA PASUKAN atau lebih, maka kemenangan akan ditentukan dengan cara turutan peraturan berikut:

2.3.1.1 Kiraan perbezaan SET - Pasukan yang telah memperolehi lebih kiraan perbezaan SET, akan dikira menang.

2.3.1.2 Kiraan perbezaan ANGKA-ANGKA MATA - Pasukan yang telah memperolehi lebih kiraan perbezaan ANGKA-ANGKA MATA, akan dikira menang

2.3.1.3 Sekiranya dengan kaedah-kaedah di atas terdapat sama juga oleh DUA REGU sahaja, maka REGU yang telah mengalahkan lawannya akan dikira menang.

2.3.1.4 Sekiranya dengan kaedah-kaedah di atas juga tidak mendapat keputusan, maka REGU-REGU berkenaan akan diundi bagi menentukan kedudukan Pemenang Kumpulan.

2.4 Pematuhan Pakaian.

2.4.1 Semua pemain hendaklah berpakaian (berjersi) seragam.

2.4.2 Semua pakaian pemain hendaklah bernombor dibahagian depan dan belakang.

2.4.3 Setiap pemain hendaklah memakai nombor jersi (dari 1 hingga 36 sahaja) yang sama untuk keseluruhan kejohanan.

2.4.4 Ketua regu mestilah dilantik dalam setiap regu semasa permainan dan dikehendaki memakai tanda dilengan (Arm Band).

2.5 Peralatan

2.5.1 Bola Pertandingan yang akan digunakan, akan ditentukan oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan.

3.0 RINGKASAN PENYERTAAN

Bil	Perkara	Jumlah
1.	Pengurus Pasukan	2 orang
2.	Jurulatih Pasukan	2 orang
3.	Pemain Lelaki	10 orang
4.	Pemain Wanita	10 orang
Jumlah		24 orang